

**Bank Pertanian Malaysia Berhad (811810-U)**

**Program Sahabat Agro**

**ARAHAN/TINDAKAN KEPADA AHLI BERKAITAN PROGRAM SAHABAT AGRO**

Bagi memastikan program Sahabat Agro yang dilaksanakan berjalan dengan lancar, memenuhi prinsip dan kepatuhan Syariah serta selari dengan kehendak urustadbir Bank, Ahli Sahabat Agro adalah terikat dengan peraturan yang ditetapkan dan hendaklah memastikan segala tindak tanduk berkaitan penerangan, pengiklanan dan lain-lain tindakan berkaitan Sahabat Agro adalah berpandukan arahan sebagaimana berikut:

**AHLI SAHABAT AGRO HENDAKLAH:**

- 1) Menjaga imej dan reputasi Agrobank dalam sebarang bentuk kaedah pemasaran bagi tujuan memasarkan Program Sahabat Agro;
- 2) Menerangkan maklumat berkaitan dengan Program Sahabat Agro dengan telus tanpa sebarang penipuan;
- 3) Menggunakan nama Program Sahabat Agro untuk tujuan pemasaran Program Sahabat Agro sahaja.
- 4) Mengambil maklum dan menerangkan kepada bakal ahli bahawa program Sahabat Agro adalah berbentuk program rujukan (*referral program*) dan bukannya program berbentuk Pemasaran bertingkat (MLM), skim cepat kaya, skim piramid dan sebagainya.
- 5) Bertanggungjawab dalam memastikan maklumat yang disampaikan adalah tepat dan terkini;
- 6) Menjadi ahli Program Sahabat Agro yang beretika dan merujuk kakitangan Bank/cawangan Bank bagi mendapatkan maklumat yang tepat;
- 7) Mengambil maklum dan menjelaskan kepada bakal ahli bahawa segala urusan berkaitan dengan program Sahabat Agro hendaklah diuruskan sendiri oleh bakal ahli di cawangan-cawangan berhampiran
- 8) Menggunakan terminologi yang bersesuaian dalam mempromosikan Program Sahabat Agro kepada masyarakat. Beberapa contoh terminolgi berkaitan adalah sebagaimana berikut:

<b>(Penggunaan terminologi yang SALAH)</b>	<b>Penggunaan Terminologi Yang BETUL</b>
Anda perlu <b>MENYIMPAN</b> dengan AgroPrimaS...	Anda perlu <b>MEMBUKA AKAUN</b> Deposit Berjangka-i AgroPrimaS.
Akaun AgroPrimaS adalah akaun <b>DEPOSIT TETAP (FIXED DEPOSIT)</b> ...	Akaun AgroPrimaS adalah akaun <b>DEPOSIT BERJANGKA-i (TERM DEPOSIT)</b> .
Anda hanya perlu <b>MEMBUAT SIMPANAN</b> di Agrobank...	Anda perlu <b>MEMBUKA AKAUN DEPOSIT BERJANGKA-i</b> di Agrobank
Buka <b>AKAUN SIMPANAN</b> di Agrobank dan anda akan mendapat Ganjaran...	Buka <b>AKAUN DEPOSIT BERJANGKA-i AgropremaS</b> di Agrobank dan anda akan mendapat Ganjaran...

**Bank Pertanian Malaysia Berhad (811810-U)**

**Program Sahabat Agro**

<b>SIMPAN DUIT</b> di Agrobank & jana pendapatan secara bulanan...	<b>DEPOSIT DUIT</b> di Agrobank & jana pendapatan secara bulanan...
Duit anda tetap dalam <b>SIMPANAN</b> anda.	Duit anda akan tetap berada dalam <b>AKAUN</b> deposit berjangka anda.
Pulangan tetap yang diperolehi daripada akaun FD terhasil daripada <i>interest rate</i> .	Pulangan tetap yang diperolehi daripada akaun deposit berjangka anda adalah terhasil daripada aktiviti jual beli (melalui konsep Tawarruq bagi akaun tersebut)

**AHLI SAHABAT AGRO TIDAK DIBENARKAN:**

- 1) Menggunakan nama/logo Bank Negara Malaysia (BNM) bagi tujuan pemasaran;
- 2) Menggunakan nama/logo Agrobank sehingga menyebabkan risiko terhadap reputasi Agrobank sebagai sebuah perbankan Islam;
- 3) Menyampaikan maklumat yang tidak tepat berkaitan Program Sahabat Agro sehingga menyebabkan kesan negatif kepada program Sahabat Agro dan juga Agrobank;
- 4) Menggunakan Program Sahabat Agro untuk tujuan lain yang tidak berkaitan dengan program Sahabat Agro.
- 5) Merekabentuk alat pemasaran/brosur/risalah/laman web yang tidak menggunakan maklumat yang telah disediakan oleh pihak Agrobank;
- 6) Mengaitkan Program Sahabat Agro dengan program MLM/Skim cepat kaya/Skim piramid dan sebagainya yang tidak berkaitan;
- 7) Mengambil kesempatan menjual borang penyertaan/dokumen berkaitan dengan Sahabat Agro kepada bakal ahli;
- 8) Menetapkan upah bagi sebarang tindakan/proses kepada bakal ahli bagi tujuan penyertaan di dalam program Sahabat Agro